

28 MAR 1998

Mahathir-ekonomi

MAHATHIR USAHA BERTERUSAN MEMULIHKAN EKONOMI BERKESAN

JELI, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata usaha berterusan kerajaan bagi menangani kegawatan ekonomi berkesan apabila terdapat tanda-tanda ekonomi negara semakin pulih.

"Kita sedang pulih tetapi belumlah pulih sepenuhnya," katanya kepada pemberita selepas majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan perasmian mesyuarat perwakilan Umno bahagian Jeli di sini.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, sekiranya dahulu ringgit pernah jatuh sehingga RM4.80 berbanding 1 dolar Amerika, tetapi sekarang kedudukannya bertambah baik iaitu sekitar RM3.70 manakala indeks saham kian kukuh pada lebih 700 mata berbanding awal tahun hanya 500 mata.

Dr Mahathir berkata usaha itu bagaimanapun belum mencukupi dan perlu dipertingkatkan bagi menarik lebih banyak pelabur untuk membuat pelaburan di negara ini.

"Tak cukuplah, kerana kita masih lagi dalam keadaan kegawatan (ekonomi) katanya," katanya.

Mengenai kedudukan ringgit yang masih belum stabil sehingga kini, Perdana Menteri berkata, keadaan itu berlaku kerana sesetengah pihak asing masih mengambil kesempatan daripada keadaan ekonomi negara.

"Dia mahu supaya ringgit naik turun, baru dia boleh untung...Kalau mata wang itu stabil, dia tak boleh dapat untung," katanya.

Mengenai tindakan sesetengah pihak membawa keluar wang bagi disimpan di luar negara, Dr Mahathir berkata perkara itu berlaku sebelum ini kerana golongan itu cuba menyelamatkan wang mereka setelah tiada penjelasan yang mencukupi berhubung keadaan ekonomi semasa.

Katanya bagaimanapun sekarang golongan itu telah yakin dengan usaha berterusan kerajaan bagi mengukuhkan ekonomi negara. -- Bernama

BO WAT